

04 APR 1996

Mahathir-Bosnia (Bergambar)

MAHATHIR TERHARU KENANG PENDERITAAN RAKYAT BOSNIA

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Penderitaan akibat perang di Bosnia Herzegovina begitu memilukan sehingga pemimpin yang terkenal dengan sikap tegas seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun tidak mampu menahan rasa terharunya pada khalayak ramai.

Semasa menyampaikan ucapan pada majlis penyerahan sumbangan derma tabung bantuan pendidikan Bosnia di sini hari ini, Perdana Menteri tidak dapat lagi membendung perasaannya. Dan sebak di dadanya menyebabkan beliau menjadi kelu, lantas tidak dapat meneruskan ucapannya lagi, betapapun beliau mencubanya.

Setelah menyentuh perasaan dengan ucapannya selama dua minit mengenai penderitaan di Bosnia, Dr Mahathir tiba-tiba berhenti. Wajahnya memperlihatkan rasa pilu sedang beliau cuba menahan sebak di dadanya.

Beliau cuba meneruskan ucapannya sekali lagi tetapi ternyata sebak yang melanda perasaannya tidak dapat dibendung lagi, lalu beliau meminta maaf dan meninggalkan pentas tanpa menghabiskan ucapannya.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Pengarah Pendidikan Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Noordin kemudian segera menghampiri Perdana Menteri untuk mengiringinya kembali ke tempat duduk.

Pada masa ini, kebanyakan pelawat dari Jepun terbang ke Kuala Lumpur atau Pulau Pinang untuk penerbangan sambungan ke Langkawi.

Abdul Rashid berkata lebih banyak hubungan terus diperlukan untuk menangani peningkatan ketibaan pelancong dari Jepun.

"Rekod kami menunjukkan antara April tahun lepas dan bulan lepas terdapat pertambahan 150 peratus dalam bilangan rakyat Jepun yang mengunjungi Langkawi," katanya.

Semasa tempoh itu, MAS membawa masuk 99,000 orang rakyat Jepun berbanding kira-kira 37,000 orang antara April 1994 dan Mac tahun lepas.

"Kami menjangka membawa masuk kira-kira 1.3 juta rakyat Jepun tahun ini," katanya.

Kira-kira 500 hadirin di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan di Bukit Kiara itu turut berasa terharu. Secara sepontan mereka berdiri dan memberi tepukan kepada Perdana Menteri.

Sebilangan daripada mereka terutama beberapa wanita Bosnia kelihatan mengesat air mata di tengah-tengah suasana penuh keharuan itu.

Dr Mahathir ketika itu sedang bercakap mengenai kekejaman di Bosnia yang katanya disaksikan oleh jutaan manusia di seluruh dunia tetapi tidak ada yang mahu menghulurkan bantuan.

"Bosnia adalah tragedi luar biasa yang sepatutnya tidak berlaku dalam dunia moden. Ia dilihat dengan jelas dan terang dengan saksi-saksi di seluruh dunia tetapi tidak ada yang memberi pertolongan.

"Kita tahu semasa kejadian berlaku ada orang yang boleh tolong tetapi mereka tidak menolong," kata Perdana Menteri yang mula menampakkan kepayahannya untuk menahan perasaan.

Majlis penyerahan derma RM3,234,881 juta kepada Perdana Menteri itu juga disiarkan secara langsung oleh Televisyen Malaysia melalui saluran TV Pendidikan.

Kutipan "daripada guru dan pelajar Malaysia" itu adalah untuk membangunkan semula sebuah sekolah di Sarajevo dan dijangka disampaikan oleh Dr Mahathir kepada kerajaan Bosnia apabila beliau melakukan lawatan ke negara Balkan itu pertengahan bulan ini.

Kutipan derma bagi tabung itu dilancarkan oleh Najib pada 24 Jan lepas.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir bergambar dan berbual-bual dengan kanak-kanak Bosnia dari Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Serdang.

Beliau kedengaran bertanya kepada seorang budak lelaki bernama Pajic Vernes Saed, 9, "bila hendak balik Bosnia"?. Budak itu yang kini fasih berbahasa Malaysia menjawab dengan malu-malu: "Tidak tahu."

Seorang pegawai peribadi kepada Perdana Menteri berkata suasana majlis itu, yang disertakan tayangan video yang memaparkan penderitaan rakyat Bosnia dan luahan perasaan kanak-kanak Bosnia di Malaysia serta persembahan lagu "Bosnia, I'm Your Son" (Bosnia, aku anak bumimu) mungkin mengguris hati Dr Mahathir.

Para wartawan yang membuat liputan majlis itu pada mulanya menyangka laungan suara seorang kanak-kanak Bosnia semasa Dr Mahathir berucap menyebabkan beliau menghentikan ucapannya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau bangga dengan sikap pemurah rakyat Malaysia menghulurkan bantuan kepada rakyat Bosnia.

"Ini usaha amat baik. Kita harus sedar penderitaan orang lain di negara lain. Di Malaysia, kita hidup aman dan bebas daripada ancaman bedilan meriam musuh. Tetapi di Bosnia, musuh bukan sahaja membunuh askar malah kanak-kanak dan orang tua juga," katanya.

Ketika ditemui wartawan selepas Perdana Menteri meninggalkan majlis itu, Najib berkata inilah kali pertama beliau melihat Dr Mahathir dalam keadaan sedemikian.

"Ia tidak pernah berlaku sebelum ini. Dan saya rasa kita semua terharu. Saya rasa ia menggambarkan betapa mendalamnya perasaan beliau terhadap isu itu.

"Ia benar-benar menyentuh hati beliau. Bagi Perdana Menteri tidak meneruskan ucapan adalah satu gambaran perasaan beliau terhadap rakyat Bosnia, dasar-dasar yang tidak adil, penindasan, kezaliman dan penghapusan kaum yang telah dilakukan," katanya.

Najib berkata pegawai-pegawai Dr Mahathir memberitahunya bahawa ini merupakan kali pertama dalam masa 15 tahun Perdana Menteri berhenti berucap semasa menyampaikan ucapannya.

"Beliau tidak pernah berhenti berucap sebelum ini. Saya telah lama mengikutinya...tidak pernah begini," katanya.

Najib berkata apa yang telah ditunjukkan oleh Perdana Menteri ialah: "Apabila kita sudah komited dengan sesuatu isu, kita akan rasa sungguh kasihan kepada rakyatnya, kepada mereka yang tidak berdosa, yang dihukum bagi kesalahan yang langsung tidak dilakukan mereka.

"Ternyata apabila Perdana Menteri tidak menghabiskan ucapannya, ia adalah sesuatu yang sungguh bermakna... Saya rasa ia menyentuh perasaan setiap rakyat Malaysia," katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata emosi Dr Mahathir itu menunjukkan bahawa beliau sama seperti manusia lain walaupun beliau bersuara lantang mengenai isu-isu yang mendapat tempat di hatinya. -- BERNAMA

MOK MAM NAK